

GAYA BAHASA AMR BAGI KONTEKS PERANG DALAM SURAH AL-BAQARAH

The Linguistic Style of Amr in the Context of War in Surah al-Baqarah

Syakirah Bt Rifa'in@Mohd Rifainⁱ & Dr Mat Taib Bin Paⁱⁱ

ⁱ Calon PhD, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. syakirah87@um.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. mattaib@um.edu.my

Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p>Kajian ini membincangkan mengenai gaya bahasa <i>amr</i> berkaitan perang dalam surah al-Baqarah. Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu yang pertama untuk mengenalpasti bentuk dan tujuan <i>amr</i> dan yang kedua untuk merumuskan mesej tersirat kepelbagaian bentuk <i>amr</i> bagi konteks perang dalam surah al-Baqarah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dianalisis menggunakan teknik analisis teks berdasarkan konteks ayat dengan menggunakan tafsir-tafsir yang berkaitan dari ulama silam dan moden. Bagi objektif pertama kajian ini menggunakan Teori ‘Abbas (1997) manakala objektif kedua pula menggunakan Teori al-Awsiy (1988) dan Wahbah al-Zuhayliy (1991). Dapatan kajian mendapati bahawa konteks perang mempunyai dua bentuk <i>amr</i> iaitu <i>fi’l amr</i> dan <i>uslub</i></p>	<p><i>This study discusses on the linguistic style of amr which relates with war as revealed in surah al-Baqarah. This study addresses two (2) main objectives; first, to identify the forms and purposes of the amr and second, to conclude the hidden meaning of diversity of the amr forms in the context of war in surah al-Baqarah. The study is designed using qualitative approach by employing text analysis based on interpreted scripts by conventional and modern scholars. ‘Abbas (1997) Theory has been applied for the first objective and the remaining objective is using the theory from al-Awsiy (1988) and Wahbah al-Zuhayliy (1991). The finding of the study encompassed two forms of amr, which are fi’l amr and uslub khabariy which indicates insya’iy while the five (5) amr purposes discovered within this context are obligatory (wajib), ibahat, tahdid, irsyad and du’a. In regards to the hidden meaning of diversity of the amr form, this study found that the fi’l amr has been used in a strong and firm way to reflect the intensity of command in explaining</i></p>

<p><i>khaboriy</i> yang memberi makna <i>insya'iy</i>. Manakala terdapat lima tujuan <i>amr</i> bagi konteks ini iaitu <i>wajib, ibahat, tahdid</i> atau amaran, <i>irsyad</i> dan <i>doa</i>. Seterusnya bagi mesej tersirat kepelbagaian bentuk <i>amr</i> kajian ini merumuskan bahawa <i>fi'l amr</i> digunakan sebagai arahan yang sangat tegas dan kuat yang menunjukkan kesungguhan untuk menjelaskan perkara-perkara asas dan <i>uslub khaboriy</i> yang memberi makna <i>insya'iy</i> pula bersifat kelembutan kerana ia melibatkan perkara yang sukar. Secara kesimpulannya, kepelbagaian bentuk <i>amr</i> yang digunakan mengikut konteks dan situasi tertentu mempunyai keunikan dan mesej tersirat. Ini merupakan satu dapatan baru dan kajian ini boleh dilanjutkan lagi dalam surah lain selain al-Baqarah.</p> <p>Kata kunci: <i>Balaghah, gaya bahasa amr, perang, al-Baqarah.</i></p>	<p><i>fundamental matters. For uslub khaboriy which indicates insya'iy, it is used in a gentle way because of involving complicated matters. In conclusion, the diversity of the amr form which has been used depending on specified context or circumstances has its own uniqueness and implicit meaning. Thus, it is a good starting point to extend this study to other surah besides al-Baqarah.</i></p> <p>Keyword(s): <i>Balaghah, linguistic style of amr, war, al-Baqarah.</i></p>
---	---

PENDAHULUAN

al-Quran menjadi rujukan bagi manusia untuk dijadikan panduan kerana di dalamnya terkandung mesej Allah SWT yang berupa hukum dan syariat-Nya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا

“Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab”

Surah al-Ra'd (13): 37.

Bahasa Arab yang merupakan bahasa yang unggul telah dipilih oleh Allah SWT sebagai bahasa al-Quran dengan keistimewaannya yang tidak boleh ditandingi. Perkataan-perkataannya yang mempunyai kekuatan makna menjadikannya mampu memenuhi setiap maksud yang ingin disampaikan. Nabi Muhammad SAW meletakkan bahasa ini sebagai bahasa utama agama Islam kerana baginda adalah sefasih-fasih bangsa Arab (Wan Azura et al, 2006: 1).

al-Quran sememangnya tidak dapat ditandingi baik dalam susunan katanya atau dalam pilihan setiap kata dan hubungannya dengan yang lain atau pun makna yang terkandung di dalamnya. Walaupun semakin tinggi ilmu seseorang dalam bahasa Arab sama ada dari segi bahasa, sastera dan sebagainya tetap tidak dapat menandingi al-Quran (Hamka, 2015).

Ilmu balaghah telah memperlihatkan rahsia kemukjizatan al-Quran berdasarkan kajian gaya bahasanya dengan penyampaian makna yang berbeza. Ia merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian dalam menghayati keindahan dan penjelasan perbezaan yang samar antara pelbagai *uslub* (Husni, 2017: 2).

Gaya bahasa atau *uslub* yang sesuai dalam sesuatu ungkapan akan memainkan peranan dalam menyampaikan mesej dengan berkesan seperti yang terkandung dalam al-Quran (Roslan et al, 2012:1). *Uslub* merupakan bentuk penyampaian yang digunakan oleh penutur bagi menyampaikan hasrat atau maksud yang terpendam di dalam dirinya dengan gaya bahasa tersendiri. Oleh kerana itulah setiap penyampaian memerlukan *uslub* yang tertentu (Abdul Wahid, 2006). Antara gaya bahasa yang dibincangkan dalam balaghah ialah *amr*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Amr bermaksud perintah dan dalam terminologi ilmu balaghah *amr* ialah tuntutan supaya melaksanakan sesuatu perbuatan yang disampaikan oleh pihak yang lebih tinggi kedudukannya kepada pihak yang lebih rendah (‘Abbas, 1997: 149).

Kebiasaannya *amr* dibincangkan dari sudut bentuk dan tujuan. Dalam konteks bentuk *amr*, ‘Abbas (1997) menyebut ia mempunyai lima bentuk, iaitu *fi’l amr*, *ism masdar*, *fi’l mudari’* yang dimasuki *lam amr*, *ism fi’l* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya’iy*. Sementara tujuan *amr* pula, mengikut ‘Abbas (1997) mempunyai dua puluh tujuan termasuk tujuan tersurat atau *hakikiy* dan tujuan tersirat atau *majaziy*. Persoalan yang menarik perhatian penulis ialah apakah bentuk dan makna-makna *amr* yang terdapat dalam surah al-Baqarah bagi konteks perang? Adakah semua ayat *amr* bagi konteks tersebut mempunyai makna *hakikiy* dan *majaziy*?

Dari sudut lain, terdapat dua bentuk *amr* digunakan dalam konteks perang, iaitu *fi’l amr* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya’iy*. Persoalannya ialah apakah perbezaan antara bentuk *amr* dalam konteks tersebut? Apakah mesej atau rahsia di sebalik perbezaan penggunaan bentuk *amr*? Inilah persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk dan tujuan *amr* dan untuk merumuskan mesej tersirat kepelbagaian bentuk *amr* bagi konteks perang dalam surah al-Baqarah.

KAJIAN LEPAS

Ulama’ balaghah telah membincangkan *amr* dari sudut bentuk dan tujuannya. Dalam konteks bentuk *amr*, ‘Abbas (1997: 150) menyebut ia mempunyai lima bentuk iaitu *fi’l amr*, *ism masdar*, *fi’l mudari’* yang dimasuki *lam amr*, *ism fi’l* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya’iy*. Bentuk-bentuk tersebut secara terperinci sebagaimana di bawah:

Bentuk-Bentuk *Amr*

Bentuk-bentuk atau *sighat* lafaz *amr* ialah:

1. *Fi'l amr*. Contohnya firman Allah SWT sebagaimana ayat berikut,

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

“Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat serta rukuklah bersama orang yang rukuk”

Surah al-Baqarah (1): 43.

2. *Ism masdar*. Contohnya firman Allah SWT sebagaimana ayat berikut,

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

“Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan berbuat baiklah kepada ibubapa dengan sebaik-baiknya”

Surah al-Isra' (15): 23.

3. *Fi'l mudari'* yang dimasuki *lam amr* sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut,

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ

“Orang yang mampu hendaklah menafkahkan mengikut kemampuannya”

Surah al-Talaq (28): 7.

4. *Ism fi'l*. Contohnya firman Allah SWT sebagaimana berikut,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu”

Surah al-Maidah (7): 105.

5. *Uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* iaitu ayat penyata yang mengandungi makna suruhan. Contohnya firman Allah SWT sebagaimana berikut,

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

“Wanita-wanita yang ditalaq hendaklah menahan diri (menunggu) sehingga tiga kali suci”

Surah al-Baqarah (2): 228.

Tujuan-Tujuan Amr

Seterusnya, *amr* mempunyai maksud secara langsung dan tidak langsung. Makna secara langsung atau diistilahkan sebagai makna *hakikiy* atau tersurat menunjukkan makna suruhan secara jelas, sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”

Surah al-Baqarah (1): 43.

Perkataan *أقيموا* (dirikanlah), *آتوا* (tunaikanlah) dan *اركعوا* (rukuklah) dalam ayat tersebut merupakan *fi'l amr*. Justeru, ayat di atas jelas menunjukkan makna perintah supaya mendirikan solat dan menunaikan zakat.

Berbeza pula dengan makna *majaziy* atau makna tersirat. Dalam konteks tertentu kalimah *amr* terkadang menyimpang dari makna asalnya sebaliknya menunjukkan makna-makna lain, antaranya ialah makna *irsyad* (bimbingan), *tamanni* (angan-angan), *ibahat* (harus), *takhyir* (pilihan) dan *tahdid* (ancaman) dan sebagainya. Ia disebut sebagai makna secara tidak langsung atau *majaziy*.

Contohnya sebagaimana firman Allah SWT:

أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

“Lakukanlah apa yang kamu suka, Sesungguhnya Allah Maha melihat apa yang kamu lakukan (dan akan membalasnya)”

Surah Fussilat (24): 40.

Ayat ini bukanlah menyuruh supaya melakukan apa sahaja yang disukai sebagaimana difahami secara tersurat, tetapi ia merupakan larangan daripada melakukannya yang difahami secara tersirat.

Abbas (1997: 150) menjelaskan bahawa terdapat lima belas tujuan *amr* mengikut sarjana balaghah dan beliau menyebut juga tujuan *amr* yang diguna pakai oleh para ulama' *fiqh* untuk menentukan sesuatu hukum sebanyak sebelas tujuan *amr*. Walau bagaimanapun berlaku pertindihan antara tujuan *amr* yang disebut oleh sarjana balaghah dan *fuqaha'*. Setelah digabungkan kedua-duanya maka terdapat dua puluh tujuan *amr* iaitu:

1) *Du'a* (permohonan)

Contohnya firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 35 iaitu,

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٣٥﴾

“Ya Tuhanku, ampunilah aku dan anugerahkanlah kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh seorang juapun sesudahku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemberi”

Surah Sad (23): 35.

2) *Iltimas* (permintaan)

Iltimas bermaksud bentuk permintaan adalah dari orang yang sama taraf atau sama kedudukannya. Contoh *iltimas* ialah sebagaimana contoh berikut,

أعطني الكتاب

“Berikan padaku buku itu”

3) *Irsyad* (panduan)

Contohnya firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah iaitu,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu berhutang hingga masa yang ditetapkan, hendaklah kamu menulisnya”

Surah al-Baqarah (3): 282.

4) *I'tibar* (pengajaran)

Contohnya firman Allah SWT dalam ayat berikut,

أَنْظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ

“Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah, dan perhatikanlah ketika ia masak”
Surah al-An‘am (7): 99.

5) *Takhyir* (pilihan)

Takhyir bermaksud memilih antara dua perkara untuk melakukan atau meninggalkannya. Contoh *at-takhyir* ialah:

تزوج أمينة أو أختها

“Kahwinilah Aminah atau kakaknya”

6) *Ibahaṭ* (harus)

Ibahaṭ bertujuan untuk membolehkan dan ia merupakan pemberian pilihan sama ada ingin melakukan atau tidak. Contohnya sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah iaitu,

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

“Dan makan dan minumlah hingga jelas bagimu benang putih dari benang hitam, yakni fajar...”

Surah al-Baqarah (2): 187.

7) *Dawam* (berterusan)

Contohnya firman Allah SWT dalam ayat berikut,

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

“Tunjukkanlah kami jalan yang lurus”

Surah al-Fatihah (1): 6.

8) *Ta’dib* (mendisiplinkan)

Contoh *ta’dib* adalah seperti ayat di bawah:

يا غلام! سم الله، وكل بيمينك، وكل مما يليك

“Wahai kanak-kanak, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu dan mulalah makan dengan apa yang paling dekat denganmu”

9) *Ta‘ajjub* (hairan)

Contohnya firman Allah SWT dalam ayat berikut iaitu,

أَنْظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا لَكَ الْأَمْثَالَ فَضَلُّوا فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا

“Lihatlah (Wahai Muhammad) bagaimana mereka menyifatkan Engkau dengan yang bukan-bukan, maka dengan sebab itu mereka sesat, sehingga mereka tidak dapat mencari jalan kebenaran”

Surah al-Isra’ (15): 48.

10) *Tahdid* (ancaman) atau *indhar* (amaran)

Contohnya sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut iaitu,

أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

“Lakukanlah apa yang kamu suka, Sesungguhnya Allah Maha melihat apa yang kamu lakukan (dan akan membalasnya)”

Surah Fussilat (24): 40.

Contoh lain ialah ayat berikut:

قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ ﴿٨﴾

Katakanlah: “Bersenang-senanglah kamu dengan kekafiranmu itu untuk sementara waktu, sesungguhnya kamu termasuk penghuni neraka”

Surah al-Zumar (23): 8.

11) *Tamanni* (angan-angan)

Contohnya firman Allah SWT:

يَلَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَا أُوتِيَ قَارُونُ إِنَّهُ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾

“Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun! Sesungguhnya Dia adalah seorang yang bernasib baik”

Surah al-Qasas (20): 79.

12) *Ihanah* atau *tahqir* (penghinaan) atau *taubikh* (celaan)

Contohnya firman Allah SWT:

ذُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ ﴿٤٩﴾

“Rasalah sesungguhnya kamu manusia yang mulia”

Surah al-Dukhan (25): 49.

13) *Ta'jiz* (melemahkan)

Contohnya Firman Allah SWT:

فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ مِثْلِهِ

“Maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu”

Surah al-Baqarah (1): 23.

14) *Taswiyah* (penyamaan)

Firman Allah SWT:

أَصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْنَا إِمَّا تُجِزُونَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

“Rasalah (panas apinya); sama ada kamu bersabar (menderita azabnya) atau tidak bersabar, sama sahaja (tidak ada faedahnya) kepada kamu, kerana kamu tidak dibalas melainkan dengan apa yang kamu telah kerjakan”

Surah al-Tur (27): 16.

15) *Imtinan* (pemberian anugerah)

Contohnya firman Allah SWT:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا

“Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu”

Surah al-Nahl (14): 114.

16) *Wujub* (wajib)

Contohnya firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

“Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat serta rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”

Surah al-Baqarah (1): 43.

17) *Nadb* (sunat)

Contohnya firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ

“Keluarkanlah nafkah kalian di jalan Allah...”

Surah al-Baqarah (2): 195.

18) *Ikram* (memuliakan)

Contohnya firman Allah SWT:

أَدْخُلُوهَا بِسَلَامٍ ءَامِنِينَ

“Masuklah ke dalamnya dengan selamat”

Surah al-Hijr (14): 46.

19) *Taskhir* (mengejek)

Contohnya firman Allah SWT:

كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ

“Jadilah kamu kera yang hina”

Surah al-Baqarah (1): 65.

20) *Qudrat* (kekuasaan)

Contohnya firman Allah SWT:

وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُن فَيَكُونُ

“Apabila Dia berkehendak (untuk menciptakan) sesuatu, maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan: “Jadilah” Maka jadilah ia”

Surah al-Baqarah (1): 117.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan pendekatan kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kaedah analisis teks. Penulis menggunakan teks al-Quran yang memfokuskan kepada ayat *amr* dalam surah al-Baqarah. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menganalisis dan merumuskan ayat-ayat *amr* ini mengikut objektif kajian. Secara umumnya, proses analisis teks terdiri daripada lima kategori iaitu membaca dan menafsirkan teks, membina kategori bentuk-bentuk *amr*, menentukan konteks ayat perang, menganalisis ayat-ayat *amr* bagi konteks perang dan mempersembahkan dapatan kajian (Kuckartz, 2014).

Dalam kajian ini, penulis menggunakan teori utama iaitu Teori ‘Abbas (1997) serta Teori al-Awsiy (1988) dan Wahbah al-Zuhayliy (1991). Teori ‘Abbas (1997) digunakan bagi memenuhi objektif pertama kajian ini, iaitu mengenal pasti bentuk dan tujuan *amr*. Penulis menggunakan teori ini kerana ia lengkap, moden dan sesuai dengan kehendak objektif kajian ini. Justeru, teori ini digunakan untuk menganalisis dan merumuskan ayat-ayat *amr* berkaitan perang dalam surah al-Baqarah dari sudut bentuk dan tujuannya. Dalam bentuk-bentuk *amr* terdapat lima jenis bentuk, manakala bagi tujuan-tujuan *amr* pula terdapat dua puluh tujuan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

Sementara itu, Teori al-Awsiy dan Wahbah al-Zuhayliy pula digunakan untuk memenuhi kehendak objektif kedua, iaitu mentafsirkan kepelbagaian bentuk *amr* bagi konteks perang dalam surah al-Baqarah. Pendapat ini digunakan kerana ia bersesuaian dengan kehendak kajian ini untuk mentafsirkan mesej tersirat di sebalik penggunaan kepelbagaian bentuk *amr* tersebut.

Ringkasnya, kajian ini menggunakan teknik analisis teks yang memfokuskan kepada struktur ayat *amr* dalam surah al-Baqarah. Kerangka teori tersebut dijelaskan secara ringkas sebagaimana rajah 1 di bawah.



DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini penulis akan membincangkan secara terperinci tentang *uslub amr* berkaitan sepuluh ayat perang dalam surah al-Baqarah. Penghuraian yang terperinci akan dilakukan terhadap ayat-ayat tersebut dari sudut bentuk, tujuan dan mesej kepelbagaian *amr*.

Perbincangan kajian dimulakan dengan menerangkan ayat-ayat *amr* berkaitan perang dalam surah al-Baqarah, diikuti dengan penentuan bentuk dan tujuan *amr* dan diakhiri dengan analisis mesej kepelbagaian bentuk *amr*.

ANALISIS AYAT-AYAT AMR

Perbincangan kajian dimulakan dengan menerangkan ayat-ayat *amr* berkaitan perang dalam surah al-Baqarah, diikuti dengan penentuan bentuk dan tujuan *amr* dan diakhiri dengan analisis mesej kepelbagaian bentuk *amr*.

Ayat-Ayat *Amr* dan Keterangan Umum

Dalam surah al-Baqarah terdapat sepuluh ayat yang berkaitan perang iaitu sebagaimana berikut:

1. Ayat 109

فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٩﴾

“Maka maafkanlah dan biarkanlah mereka, sehinggalah Allah mendatangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu”

Ayat ini merupakan ayat berkaitan perang yang mana Allah SWT memerintahkan supaya bersikap lapang dada dan memaafkan sehingga datang perintah Allah SWT yang membawa keamanan dan pertolongan (Ibn Kathir, 1999: 382). Ayat ini juga berkaitan dengan ayat sebelum ini iaitu Allah SWT melarang orang Islam daripada mendengar nasihat kaum Yahudi dan supaya menolak pendapat mereka. Hal ini kerana mereka mempunyai perasaan hasad kepada orang Islam atas nikmat Islam dan berniat untuk memesongkan mereka. Di samping itu juga mereka sedar bahawa agama Islam adalah agama yang benar dan nabi Muhammad SAW itu juga benar. Oleh itu, Allah SWT memerintahkan supaya bersabar dan biarkan mereka sehingga datang pertolongan Allah SWT kepada mereka dan mengizinkan berperang (Wahbah al-Zuhayliy, 1991).

2. Ayat 190

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمُ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas”

Ayat tersebut merupakan perintah Allah SWT supaya memerangi orang yang memerangi umat Islam demi membela agama Allah SWT serta meninggikan kalimah-Nya dan bukan kerana nafsu (al-Maraghiy, 1946: 89).

3. Ayat 191

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمُ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ
وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّى يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ فَإِن قَاتَلُوكُمْ فَأَقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ

الْكَافِرِينَ ﴿١٩١﴾

“Dan bunuhlah mereka di mana saja kamu jumpai mereka, dan usirlah mereka dari tempat mereka telah mengusir kamu (Mekah); dan kufur itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di Masjidilharam, kecuali jika mereka memerangi kamu di tempat itu. Jika mereka memerangi kamu (di tempat itu), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang kafir”

Ayat tersebut memerintahkan supaya memerangi orang-orang kafir di mana sahaja mereka ditemui supaya mereka tidak lagi menghalang kaum muslimin di Masjidil Haram serta mengusir mereka sebagaimana orang Islam diusir oleh mereka di Mekah. Golongan Musyrikin pernah mengusir nabi Muhammad saw dan para sahabat dari Mekah dengan cara memfitnah Islam dan menghalang kaum muslimin yang hendak memasuki Mekah untuk beribadah. Rasulullah saw sanggup diperlakukan sedemikian supaya dapat kembali lagi tahun depan untuk melakukan ibadah haji namun golongan musyrikin memungkiri janji mereka lalu Allah SWT mengizinkan kaum muslimin memerangi mereka sebagai tanda kasih sayang-Nya (al-Maraghiy, 1946: 89).

4. Ayat 193

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةً وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

“Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada kekufuran lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah.

Ayat tersebut menjelaskan perintah supaya memerangi orang-orang kafir sehingga tiada sesuatu yang mempengaruhi jiwa mereka selain daripada rasa takut kepada Allah SWT serta tiada lagi pengkhianatan dalam agama (al-Maraghiy, 1946: 90).

5. Ayat 194

فَمَنْ أَعْتَدَى عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَى عَلَيْكُمْ

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

Oleh sebab itu, barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawa Allah beserta orang-orang yang bertakwa”

Ayat ini memerintahkan membunuh orang yang membunuh dengan cara yang sama dibunuh. Sekiranya disembelih maka mestilah dibalas dengan penyembelihan, sekiranya dicekik maka mestilah dibalas dengan cekikan dan seumpamanya (al-Alusiy, t.t.: 70). Manakala Abu Hayyan (1983: 78) ketika menafsirkan ayat tersebut menjelaskan serangan balas balik kepada orang yang menyerangnya hendaklah seimbang dengan serangan mereka ke atasnya.

6. Ayat 216

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

“Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui”

Ayat tersebut merupakan ayat pertama yang mewajibkan perang pada tahun kedua hijrah. Ia menjelaskan mengenai kewajipan memerangi orang kafir walaupun peperangan merupakan sesuatu yang menyusahkan dan memerlukan pengorbanan harta dan jiwa. Sifat tidak suka perang ialah sifat semulajadi manusia. Namun begitu, kemungkinan sesuatu perkara yang dibenci itu akan memberi manfaat dan kebaikan dan boleh jadi juga yang disukai membawa kemudharatan. Allah SWT mengetahui bahawa peperangan itu lebih baik untuk manusia serta dilarang membenci sesuatu yang diwajibkan oleh Allah SWT daripada memerangi musuh (al-Sabuniy, 1980: 260). Nabi Muhammad SAW tidak dibenarkan berperang ketika berada di Mekah namun setelah berhijrah ke Madinah baginda dibenarkan memerangi orang musyrikin yang memerangnya (al-Qurtubiy, 2006: 415).

7. Ayat 217

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ

“Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: “Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar”

Ayat tersebut memerintahkan supaya menjawab pertanyaan kaum musyrikin mengenai hukum peperangan pada bulan haji. Mereka bertanya sedemikian kerana menganggap peperangan hanya boleh dilakukan di luar bulan haji (al-Maraghiy, 1946: 134). Wahbah al-Zuhayliy (1991: 261-262) menafsirkan bahawa berperang pada bulan haji adalah satu dosa besar tetapi tindakan kaum kafir yang menghalang orang daripada menurut agama Allah, membunuh serta mengancam orang-orang Islam, mengusir mereka, menghalang orang-orang Islam pergi

Mekah untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah dan mengusir para Nabi SAW dan para sahabat serta melakukan perbuatan kufur kepada Allah SWT lebih besar dosa dan kesalahannya. Hal ini kerana semua perbuatan ini lebih besar dosanya di sisi Allah SWT daripada kesalahan berperang pada bulan tersebut. Justeru, peperangan dalam bulan tersebut menjadi halal untuk mengelakkan berlakunya kemudaratan yang lebih besar.

8. Ayat 244

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾

"Dan berperanglah kamu pada jalan Allah (kerana mempertahankan kebenaran agamanya) dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui"
Ayat ini merupakan perintah Allah SWT supaya berperang iaitu memerangi orang-orang kafir demi mengangkat kalimah Allah SWT dan mempertahankan agama Islam. Perang ini dinamakan jihad pada jalan Allah SWT kerana ia dilakukan semata-mata untuk mencapai redha Allah SWT (Tantawiy, 1987: 730).

9. Ayat 246

أَلَمْ تَرَ إِلَى الْمَلَكِ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَى إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ آلِهِمْ أُنَبِّئْنَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُنْتُمْ عَلَيكُمْ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا قَالُوا وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِنْ دِيَارِنَا وَأَبْنَائِنَا فَلَمَّا كُنْتُمْ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٢٤٦﴾

"Apakah kamu tidak memperhatikan pemuka-pemuka bani Israel sesudah Musa, yaitu ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah pimpinannya) di jalan Allah". Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang." Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mahu berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?" Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa orang saja antara mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim"
Ayat ini menjelaskan perbincangan antara para cendekiawan bani Israel dan nabi mereka iaitu Samuel. Mereka meminta daripada nabi mereka supaya melantik seorang raja untuk mereka kerana orang-orang Palestin membunuh dan menewaskan mereka dengan bilangan yang ramai. Namun begitu, nabi mereka khawatir bahawa mereka akan menjadi takut dan pengecut jika diwajibkan perang kepada mereka. Jawapan mereka adalah tiada alasan bagi mereka untuk meninggalkan peperangan kerana telah diusir keluar daripada tanah tumpah darah mereka sehingga jauh daripada sanak saudara. Hal ini disebabkan oleh serangan pihak musuh yang telah mengalahkan mereka. Tatkala perang diwajibkan berdasarkan permintaan mereka sendiri supaya melantik seorang raja, ternyata mereka telah berpaling darinya kerana takut dan lari meninggalkan

peperangan serta mensia-siakan perintah Allah SWT kecuali sedikit sahaja antara mereka (Wahbah al-Zuhayliy, 1991: 215).

10. Ayat 250

قَالُوا رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

“Mereka pun (Talut dan tenteranya) berdoa: “Ya Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, teguhkanlah pendirian kami dan menangkanlah kami melawan kaum kafir”

Ayat ini menjelaskan mengenai doa yang dibaca oleh Talut ketika muncul bersama tenteranya yang beriman untuk menghadapi musuh-musuhnya dari kalangan penduduk Palestin iaitu Jalut dan tenteranya. Mereka menyaksikan bilangan tentera musuh yang ramai dengan kekuatan senjatanya. Ketika itu Talut dan tenteranya tunduk berdoa kepada Allah SWT sebagaimana orang terdesak memohon pertolongan pada waktu yang sangat getir dalam ketakutan dan tiada perlindungan melainkan perlindungan Allah SWT (Wahbah al-Zuhayliy. 1991: 429). al-Sya'rawiy (1991: 1051) menjelaskan mengenai ayat tersebut bahawa permohonan mereka kepada Allah SWT supaya dilimpahi kesabaran supaya dapat meneguhkan pendirian mereka dan dapat menghadapi musuh dengan penuh keimanan yakni dijauhi dari sifat takut dan lemah sehingga ke akhirnya dengan sabar serta diberikan kemenangan oleh Allah SWT supaya dapat menewaskan orang-orang kafir.

Bentuk Dan Tujuan *Amr*

Terdapat satu bentuk *amr* dalam ayat 109 iaitu *fi'l amr* iaitu فاعفوا dan اصفحوا.

Tujuan *amr* bagi ungkapan فاعفوا dan اصفحوا yang bermaksud maafkanlah dan biarkanlah mereka tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana tafsir, namun ayat tersebut diperintahkan bersama-sama dengan perintah supaya menunaikan solat dan zakat untuk mencapai kemenangan dan pertolongan. Oleh itu, penulis berpendapat tujuan *amr* tersebut menjurus kepada wajib kerana ayat ini di'ataskan kepada solat dan zakat. Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan hujah 'Uthaymin (2008: 360-361) bahawa umat Islam diwajibkan berhati-hati terhadap kaum kafir kerana mereka ingin memesongkan umat Islam di samping mengambil kira keadaan umat Islam pada waktu tersebut. Ibn Kathir (1999: 383) juga menjelaskan bahawa sebelum mencapai kemenangan mereka diperintahkan oleh Allah SWT supaya bermaafan dan berlapang dada.

Seterusnya, dalam ayat 190 pula terdapat satu bentuk ungkapan *amr* iaitu *fi'l amr* pada perkataan قاتلوا. Tujuan *amr* bagi ungkapan قاتلوا bermaksud perangilah adalah wajib. Hal ini kerana diwajibkan berperang di jalan Allah SWT untuk tujuan agama ('Uthaymin, 2008: 375). Umat Islam diminta memerangi kaum kafir apabila mereka merasa takut dihalang oleh orang-orang kafir ketika menunaikan ibadah umrah demi membela agama Allah (al-Maraghiy, 1946: 89).

Dalam ayat 191 pula terdapat satu bentuk ungkapan *amr* iaitu *fi'l amr* pada ungkapan *واقْتُلُوهُمْ* dan *واخْرَجُوهُمْ* yang bermaksud *bunuhlah mereka, usirlah mereka* dan *maka perangilah mereka*. Tujuan *amr* pada ungkapan-ungkapan tersebut adalah wajib. Hal ini kerana diperintahkan supaya membunuh kaum kafir agar mereka tidak lagi menghalang orang-orang Islam di Masjidil Haram serta mengusir mereka kerana mereka melarang dan menghalang orang-orang Islam memasuki Mekah untuk tujuan ibadah (al-Maraghiy, 1946: 89). Begitu juga diwajibkan mengusir kaum kafir sebagaimana mereka mengusir kaum muslimin serta diwajibkan menyerang kaum kafir sehingga tidak berlaku fitnah pada agama (Uthaymin, 2008: 378-379).

Dalam ayat 193 pula terdapat satu bentuk ungkapan *amr* iaitu *fi'l amr* pada ungkapan *قاتلوهم* yang bermaksud *perangilah mereka*. Terdapat dua pendapat bagi tujuan *amr* dalam ayat tersebut iaitu yang pertama menunjukkan harus sebagaimana alasan Ibn al-^cArabiy menjelaskan diharuskan menyerang dan membunuh mereka sehingga mereka beriman (Ibn al-^cArabiy, 2003: 156). Al-Jassas (1992: 324) pula menjelaskan ia menunjukkan wajib dengan alasan sehingga mereka meninggalkan kekufuran.

Penulis berpendapat bahawa tujuan *amr* bagi ungkapan *قاتلوهم* menunjukkan wajib berdasarkan keperluan dan keadaan sekiranya mereka diperangi oleh kaum kafir ketika melakukan ibadah umrah. Tambahan pula, kewajipan ini adalah untuk menjaga agama supaya tidak berlaku pengkhianatan padanya. Hal ini sesuai dengan hujah al-Jassas bahawa diwajibkan memerangi kaum musyrikin sehingga mereka meninggalkan kekufuran.

Dalam ayat 194 pula terdapat tiga *fi'l amr*. Pertamanya ungkapan *فاعتدوا* bermaksud *seranglah* yang tujuan *amr* padanya bersifat harus. Tantawiy (1987: 540) menjelaskan dalam tafsirnya bahawa sesiapa yang menyerang dan menzalimi seseorang maka diharuskan baginya menyerang kembali seimbang dengan apa yang mereka lakukan kepada orang-orang Islam tanpa menzalimi atau setakat yang dibenarkan oleh Allah SWT. Pembalasan tersebut sesuai dengan serangan mereka.

Keduanya ialah ungkapan *اتقوا* yang bermaksud *bertakwalah* dan tujuan *amr* padanya bersifat wajib. Allah SWT menyuruh supaya bertakwa kepada-Nya ketika bermuamalah dengan orang lain dalam semua keadaan supaya tidak melampaui batas khususnya ketika melakukan *qisas* (Uthaymin, 2003: 386). Manakala al-Maraghiy pula menjelaskan ia sebagai amaran supaya berhati-hati agar tidak melakukan pelanggaran terhadap perkara-perkara yang tidak diizinkan oleh Allah SWT dan tidak melampaui batas (al-Maraghiy, 1946: 93).

Penulis bersetuju dengan pendapat al-Maraghiy bahawa ungkapan tersebut sebagai amaran kerana sesuai dengan konteks ini yang mana Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya bersifat melampaui batas walaupun dibenarkan melakukan

serangan balas balik. Dalam melakukan hukuman balas balik, Allah SWT memberi amaran dan peringatan supaya berhati-hati agar tidak melakukan pelanggaran yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Hal ini kerana dibenarkan membalas balik hukuman tersebut dengan hukuman yang sama seimbang dengan apa yang dilakukan oleh mereka tanpa melampaui batas.

Bagi tujuan *amr* pada ungkapan terakhir *اعلموا* bermaksud *ketahuilah* tidak dinyatakan secara jelas dalam tafsir namun al-Maraghiy (1946: 94) menjelaskan bahawa Allah SWT sentiasa memberikan pertolongan kepada hamba-hamba-Nya yang bertakwa sehingga mereka menang dan berjaya mengalahkan musuh-musuh mereka demi agama-Nya dan kalimah-Nya. Begitu juga dengan penjelasan lain (al-Adwiy, 1996: 187 & al-Sa'adiy, 2002: 87) yang menafsirkan bahawa Allah SWT sentiasa memberi bantuan dan petunjuk kepada orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, berdasarkan hujah-hujah tersebut penulis berpendapat tujuan *amr* bagi ungkapan *اعلموا* menjurus kepada *irsyad* atau petunjuk supaya sentiasa bertakwa kerana Allah SWT sentiasa memberi pertolongan kepada hamba-Nya yang bertakwa.

Ungkapan *اتقوا* dan *اعلموا* saling berkait antara satu sama lain. Allah SWT memberi amaran supaya berhati-hati ketika melakukan serangan balas balik agar tidak melampaui batas, namun Allah SWT memberi petunjuk bahawa Dia sentiasa memberikan pertolongan kepada hamba-hamba-Nya untuk mengalahkan musuh-musuh mereka kerana Dia sangat dekat dengan mereka.

Dalam ayat 216 pula terdapat satu bentuk ungkapan *amr* iaitu *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* pada ungkapan *كتب* yang bermaksud *diwajibkan*. Tujuan *amr* dalam ayat tersebut bersifat wajib kerana ia jelas difahami daripada perkataan tersebut. Menurut al-Qurtubiy (2006: 415) jihad adalah wajib kerana ia merupakan ujian buat orang mukmin dan jalan untuk ke Syurga. Wahbah al-Zuhayliy (1991: 261) pula menjelaskan berdasarkan hukum jihad, para ulama' berbeza pendapat mengenai siapa yang diwajibkan berperang. al-Awza'i dan 'Ata' menyatakan ayat tersebut diturunkan untuk para sahabat dan mereka yang diwajibkan berjihad. Manakala *jumhur* berpendapat bahawa perang diwajibkan terhadap orang Islam mengikut keperluan dan keadaan. Jika Islam kuat dan menang maka hukumnya menjadi fardhu kifayah tetapi jika musuh berkuasa ia menjadi fardhu ain sehingga Islam mendapat kemenangan. Inilah pendapat yang paling kuat.

Dalam ayat 217 terdapat satu *fi'l amr* pada ungkapan *قل* yang bermaksud *katakanlah*. Tujuan *amr* tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana tafsir, namun penulis berpendapat ia menunjukkan wajib kerana melibatkan hukum peperangan pada bulan haji. Perkara yang melibatkan hukum akan menjadi wajib kerana ia merupakan peraturan daripada Allah SWT.

Dalam ayat 244 terdapat satu *fi'l amr* pada ungkapan *قاتلوا* yang bermaksud *berperanglah* dan *واعلموا* yang bermaksud *ketahuilah*. Tujuan *amr* pada ungkapan *قاتلوا* bersifat wajib kerana menurut *jumhur* ulama' ia merupakan perintah yang ditujukan kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya berperang pada jalan Allah SWT bagi menegakkan kalimah Allah SWT. Jalan Allah SWT yang dimaksudkan dalam ayat tersebut banyak dan merangkumi semua jalan. Menurut Imam Malik jalan Allah SWT yang paling utama ialah mengagungkan agama Islam dan tiada perselisihan lagi mengenainya (Wahbah al-Zuhayliy, 1991: 416). Manakala tujuan *amr* pada ungkapan *اعلموا* merupakan *tahdid* atau ancaman daripada Allah SWT supaya berhati-hati kerana Allah SWT Maha Mendengar segala perkataan manusia dan Maha Mengetahui segala keadaan mereka (Uthaymin, 2008: 201).

Dalam ayat 246 terdapat dua bentuk *amr*. Pertamanya ialah *fi'l amr* iaitu *ابعث* dan kedua ialah *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* iaitu ungkapan *كتب*.

Tujuan *amr* bagi ungkapan *ابعث* yang bermaksud *lantiklah* merupakan permohonan kaum bani Israel kepada nabi mereka supaya melantik seorang raja yang dapat memerintah dan mengatur mereka ketika berperang.

Manakala tujuan *amr* pada ungkapan *كتب* pula menunjukkan wajib berperang atas kaum bani Israel supaya melawan musuh berdasarkan permintaan mereka sendiri kepada Nabi (Samuel) agar melantik seorang raja yang mengatur mereka dalam hal ini (al-Maraghiy, 1946: 132). Dalam konteks ini, perang diwajibkan atas mereka supaya dapat mempertahankan diri serta membebaskan negeri mereka daripada genggaman musuh kerana daripada awalnya mereka telah menyatakan bahawa tiada alasan bagi mereka untuk meninggalkan peperangan disebabkan oleh keadaan yang mendesak untuk melakukan peperangan (Uthaymin, 2008: 211).

Dalam ayat 250 pula terdapat satu bentuk *fi'l amr* iaitu *انصر, ثبت, أفرغ* yang bermaksud *limpahkanlah, teguhkanlah dan menangkanlah*. Tujuan *amr* tersebut merupakan doa atau permohonan Talut dan tenteranya kepada Allah SWT ketika menghadapi pihak musuh (Uthaymin, 2008: 228).

Secara keseluruhannya, terdapat dua bentuk *amr* iaitu *fi'l amr* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy*, manakala tujuan *amr* dalam ayat perang mempunyai lima tujuan iaitu wajib, harus, *tahdid* atau amaran, *irsyad* dan doa. Tujuan *amr* bagi wajib mempunyai tiga belas ayat, manakala *ibahaṭ* dan *tahdid* atau ancaman mempunyai dua ayat, *irsyad* mempunyai satu ayat dan doa mempunyai empat ayat.

Analisis Kepelbagaian Bentuk Amr

Dalam suruhan mengenai kewajipan perang, Allah SWT menggunakan dua bentuk *amr* iaitu *fi'l amr* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy*.

Persoalan yang timbul ialah kenapa digunakan lebih daripada satu bentuk dan adakah mesej tertentu yang ingin disampaikan?

Sebagaimana dimaklumi bahawa *fi^{cl} amr* merupakan suruhan atau permintaan yang ditujukan kepada diri kedua atau *mukhatab*. al-Awsiy berpendapat bahawa *fi^{cl} amr* merupakan arahan yang sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain (al-Awsiy, 1988: 125). Secara logiknya ketegasan itu pastinya menyentuh perkara-perkara perlu dan penting yang sangat ditekankan. Ringkasnya *fi^{cl} amr* merupakan suruhan atau permintaan yang ditujukan kepada diri kedua atau *mukhatab* dan bersifat tegas serta kuat berkaitan perkara keperluan yang utama. Penulis berpendapat bahawa ciri-ciri *amr* ini sesuai diaplikasi terhadap *fi^{cl} amr* berkaitan ayat perang dalam surah al-Baqarah.

Dalam ayat 109 terdapat satu bentuk *amr* iaitu *fi^{cl} amr* iaitu *فاعفوا* dan *اصفحوا* yang memerintahkan orang Islam supaya memberi kemaafan dan berlapang dada bila berhadapan dengan orang kafir (Wahbah al-Zuhayliy, 1991: 272). Ia merupakan arahan yang tegas kerana memberi kemaafan sebelum diperintahkan berperang merupakan satu keperluan dan perkara asas yang utama. Hal ini kerana tujuan berperang adalah bukan sahaja untuk mempertahankan diri bahkan juga untuk meninggikan kalimah Allah SWT serta agama Islam. Kemaafan menjadi perkara utama dalam situasi ini kerana Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya bersabar dengan sikap kaum kafir. Tantawiy (1987: 320) juga menjelaskan bahawa memberi kemaafan dan berlapang dada adalah perkara yang penuh hikmah dan lebih baik daripada hukuman dan teguran. Tambahan pula, Uthaymin (2008: 360) menjelaskan bahawa umat Islam diwajibkan berhati-hati dengan kaum kafir yang berniat untuk memesongkan umat Islam.

Dalam ayat 190 pula terdapat satu bentuk *amr* iaitu *fi^{cl} amr* pada ungkapan *قاتلوا* yang merupakan arahan lanjutan supaya berperang pada jalan Allah SWT. Penggunaan *fi^{cl} amr* di sini adalah kerana ia merupakan suruhan secara tegas yang ditujukan secara khusus kepada *mukhatab* atau pihak kedua iaitu umat Islam yang diperangi oleh kaum kafir. Dalam konteks ini perang merupakan satu keperluan untuk memerangi orang yang memerangi mereka dan bertujuan untuk mempertahankan diri. Ia juga bertujuan untuk mengangkat kalimah Allah SWT. Justeru, Allah SWT melarang umat Islam melampaui batas dengan mencederakan wanita-wanita, kanak-kanak, orang-orang tua dan seumpamanya atau membunuh binatang-binatang, merosakkan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya sekiranya ia tidak memudaratkan mereka (al-Sabuniy, 1980: 222). Ini bermakna peperangan ini bukanlah perintah supaya berperang untuk menunjukkan kekuasaan, kesombongan atau seumpamanya tetapi bertujuan untuk mempertahankan diri dan mengangkat kalimah Allah SWT yang merupakan satu keperluan.

Dalam ayat 191 pula terdapat satu bentuk *amr* iaitu *fi^{cl} amr* pada ungkapan *اقتلوا* yang menyuruh supaya membunuh kaum kafir di mana sahaja mereka ditemui dan *أخرجوهم* yang memerintahkan supaya mengusir mereka sekiranya mereka

mengusir umat Islam. Begitu juga ungkapan *فاقتلوهم* yang menyuruh supaya membunuh mereka sekiranya mereka memerangi kaum muslimin. Umat Islam dituntut supaya mempertahankan diri mereka dengan memerangi dan membunuh kaum kafir sekiranya mereka melampaui batas. Penggunaan *fi^{cl} amr* sebagai arahan yang tegas dalam konteks ini sangat sesuai kerana hakikatnya peperangan ini merupakan satu keperluan bagi umat Islam sekiranya diserang. Dalam hal ini, umat Islam diminta memerangi orang-orang kafir kerana kerosakan yang mereka lakukan terhadap umat Islam dengan menyakiti, menyeksa dan mengusir mereka serta merampas harta mereka adalah lebih keji dari melakukan pembunuhan di Tanah suci. Ini kerana tiada musibah yang lebih berat daripada tekanan, seksaan dan ancaman yang akan merosakkan akidah seseorang (al-Maraghiy, 1946: 89). Justeru, asasnya di sini umat Islam diminta mempertahankan diri mereka daripada serangan orang-orang kafir dengan balasan yang sama sebagaimana mereka diserang.

Begitu juga dalam ayat 193 *fi^{cl} amr* *قاتلوهم* digunakan untuk menyuruh supaya memerangi orang-orang kafir kerana ia ditujukan kepada umat Islam yang dianiaya dan ditindas untuk menghapuskan fitnah dan kekufuran. Ia merupakan satu keperluan untuk mempertahankan diri dan keutamaan agar tidak berlaku kesyirikan kepada Allah SWT serta meninggikan kalimah Allah SWT.

Dalam ayat 194 pula terdapat *fi^{cl} amr* pada ungkapan *اعتدوا* yang merupakan suruhan supaya membalas dengan dengan setimpal ditujukan kepada *mukhatab* atau pihak kedua iaitu umat Islam yang terlibat secara langsung dalam peperangan. Digunakan *fi^{cl} amr* kerana perbuatan membalas itu merupakan satu keperluan bagi membalas balik serangan pihak kafir tanpa belas kasihan. Sekiranya serangan tersebut dimulai dengan bom atau seumpamanya maka dibolehkan bagi mereka menggunakan senjata yang sama sehingga kaum kafir berhenti melakukan perbuatan tersebut. Allah SWT mengizinkan perbuatan balas tersebut dengan cara yang sama sebagaimana mereka menyerang umat Islam tetapi melarang perbuatan yang mendahului musuh (al-Maraghiy, 1946: 92).

Seterusnya *fi^{cl} amr* pada ungkapan *اتقوا* dan *اعلموا* yang merupakan suruhan agar serangan balas tersebut tidak melebihi hak mereka dan melampau serta peringatan bahawa Allah SWT sentiasa bersama dengan orang yang bertakwa dan sentiasa memberikan pertolongan serta bantuan kepada umat Islam sehingga mereka dapat mengalahkan musuh-musuh mereka demi untuk meninggikan kalimah-Nya (Ibn [°]Asyur, 1984: 93). Ia ditujukan kepada *mukhatab* atau pihak kedua iaitu orang yang terlibat secara langsung dalam peperangan tersebut. Digunakan *fi^{cl} amr* kerana takwa dan peringatan mengenai pertolongan Allah SWT merupakan perkara utama dan terpenting dalam apa jua keadaan khususnya untuk mendapatkan kemenangan.

Dalam ayat 216 pula terdapat satu bentuk *amr* yang digunakan iaitu *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* pada ungkapan **كتب** yang memerintahkan mengenai kewajipan berperang. *Uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* merupakan suruhan atau permintaan dalam bentuk ayat penyata. Bagi bentuk ini, Wahbah al-Zuhayliy (1991: 319-320) berpendapat ia bersifat kelembutan. Secara logiknya kelembutan itu diperlukan dalam situasi yang sukar dan tertekan. Tambahan pula al-Durrah (2008: 419) menjelaskan bahawa ungkapan di awal ayat tersebut iaitu **يا أيها الذين آمنوا** juga merupakan ungkapan yang paling lembut dan gambaran yang paling mulia.

Penulis berpendapat ciri *amr* berbentuk *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* dapat diaplikasi kepada ayat ini kerana ia bertepatan dengan kewajipan berperang yang sangat sukar untuk dilakukan sebagaimana al-Maraghiy (1956: 132) menjelaskan bahawa perang adalah sesuatu yang berat dan paling tidak disenangi kerana ia memerlukan pengorbanan harta dan jiwa. Wahbah al-Zuhayliy (1991: 260) menafsirkan bahawa meskipun ia sesuatu perkara yang tidak disukai kerana menyusahkan diri namun inilah jalan terbaik untuk mendapatkan kemuliaan, kejayaan dan kemenangan. Ringkasnya, perkara yang sukar yang datang daripada Allah SWT pasti akan digantikan dengan manfaat yang banyak di akhirnya.

Dalam ayat 217 pula terdapat *fi'l amr* pada ungkapan **قل** yang merupakan suruhan kepada nabi Muhammad saw supaya menjawab pertanyaan mengenai hukum peperangan pada bulan haji. Arahan ini merupakan arahan yang tegas kerana ia merupakan satu keperluan dan utama yang perlu dijawab bagi menjelaskan bahawa orang musyrikin menganggap Nabi Muhammad SAW melakukan kesalahan besar dengan berperang pada bulan Haram. Wahbah al-Zuhayliy (1991: 261) dan al-Maraghiy (1946: 134) pula menyatakan bahawa peperangan tersebut terpaksa dilakukan juga untuk menghindari bahaya yang lebih besar.

Dalam ayat 244 pula terdapat *fi'l amr* pada ungkapan **قاتلوا** sebagaimana ayat 190. Ia merupakan suruhan supaya berjihad pada jalan Allah SWT. Penggunaan *fi'l amr* yang merupakan arahan secara tegas di sini adalah kerana ia ditujukan kepada *mukhatab* atau pihak kedua iaitu umat Islam yang diperangi oleh kaum kafir. Bentuk ini juga menegaskan perkara asas yang merupakan satu keperluan dalam konteks perang supaya memerangi orang yang memerangi mereka yang bertujuan untuk mempertahankan diri dan meninggikan kalimah Allah SWT.

Dalam ayat 246 pula terdapat *fi'l amr* pada ungkapan **ابعث**. Ungkapan tersebut merupakan permohonan supaya melantik seorang raja dalam kalangan mereka. Penggunaan *fi'l amr* di sini adalah kerana ia ditujukan secara khusus kepada *mukhatab* atau pihak kedua iaitu Nabi Samuel supaya melantik seorang raja agar dapat memerintah dan mengatur mereka ketika berperang. Bentuk ini digunakan kerana ia melibatkan perkara keperluan dalam konteks perang disebabkan oleh

serangan pihak musuh yang telah mengalahkan kaum bani Israel. Disebabkan serangan pihak musuh, mereka telah diusir dari tempat sendiri dan jauh daripada sanak saudara.

Di akhir ayat ini digunakan kembali *uslub khabariy* yang memberi makna *insyaiy* pada ungkapan كتب yang memerintahkan mengenai kewajipan berperang. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, *uslub khabariy* yang memberi makna *insyaiy* yang mempunyai ciri kelembutan digunakan kerana perang merupakan sesuatu yang berat dan paling tidak disenangi disebabkan ia memerlukan pengorbanan harta dan jiwa.

Dalam ayat 250 pula terdapat *fi^{cl} amr* pada ungkapan انصر, ثبت, أفرغ. Ia merupakan doa Talut dan tenteranya kepada Allah SWT supaya dilimpahi kesabaran, diteguhkan pendirian serta dimenangkan ketika menghadapi pihak musuh. Bentuk ini digunakan dalam konteks perang kerana memohon pertolongan Allah SWT pada waktu yang sangat getir dan takut merupakan satu keperluan dan keutamaan kerana tiada perlindungan melainkan perlindungan Allah SWT.

Jika dibandingkan bentuk *fi^{cl} amr* yang merupakan arahan yang sangat tegas dan bentuk *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* yang bersifat kelembutan dalam situasi, penulis dapat simpulkan di sini bahawa Allah SWT menggunakan ungkapan berbentuk *fi^{cl} amr* yang merupakan arahan secara tegas dalam konteks keperluan peperangan untuk mempertahankan diri, nyawa dan harta benda. Kemudian Allah SWT menggunakan bentuk *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* yang bersifat kelembutan dalam konteks kewajipan berperang yang merupakan sesuatu yang sukar dan sulit.

PENUTUP

Dapatan kajian mendapati bahawa konteks perang jihad mempunyai dua bentuk *amr* iaitu *fi^{cl} amr* dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* serta lima tujuan *amr*, iaitu wajib, harus, *tahdid* atau amaran, *irsyad* dan *doa* atau permohonan. Tujuan *amr* bagi wajib mempunyai tiga belas ayat, manakala harus dan *tahdid* atau amaran mempunyai dua ayat, *irsyad* mempunyai satu ayat dan *doa* atau permohonan mempunyai empat ayat. Manakala bagi mesej tersirat kepelbagaian bentuk *amr* merumuskan bahawa *fi^{cl} amr* merupakan arahan kepada *mukhatab* atau orang kedua secara tegas dan kuat yang menunjukkan kesungguhan kerana ia melibatkan perkara keperluan yang utama. *Uslub khabariy* yang memberi makna *insya'iy* pula bersifat kelembutan dan digunakan dalam situasi dan perkara yang sukar. Oleh itu, kepelbagaian bentuk *amr* yang digunakan mengikut konteks dan situasi tertentu mempunyai keunikan dan mesej tersirat yang tersendiri. Ini merupakan satu dapatan baru yang belum dihasilkan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini dan kajian ini boleh dilanjutkan lagi dalam surah lain selain al-Baqarah.

RUJUKAN

al-Quranul Karim

- Abbas, Fadl Hasan. *Ilm al-Ma'ani*. Dar al-Furqan: Jami'at Urduniyyah, 1997.
- Abdul Wahid Salleh. *Ilm al-Ma'ani*. Terengganu: Bayt al-Hikmah, 2006.
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf bin Ali bin Yusuf bin Hayyan al-Andalusiy al-Gharnatiy. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, 1983.
- al-Adwiy, Abu Abdullah Mustafa. *al-Tashil li Ta'wil al-Tanzil*. Mesir: al-Daqahliyah, 1996.
- al-Alusiy, Mahmud Syukri al-Alusiy al-Baghdadi. *Ruh al-Ma'ani*. Beirut: Lubnan, t.t.
- al-Awsiy, Qays Ismail. *Asalib al-Tolab 'inda al-Nahwiyyin wal Balaghiyyin*. Universiti Baghdad: Maktabah al-Wataniyyah, 1998.
- al-Durrah, Muhammad Ali Toha. *Tafsir al-Quran al-Karim I'rabuh wa Bayanuh*. Damsyik: Dar Ibn Kathir, 2008.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. *Tafsir al-Azhar*. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd, 2015.
- Husni. *Uslub Hakim Dalam Hadis Nabi saw Satu Pendekatan Dakwah Berkesan*. HADIS: International Reviewed Academic Journal. Vol. 7. Bangi: Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2017.
- Ibn al-'Arabiyy, Abu Bakr Muhammad bin Abdullah. *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Ibn 'Asyur, Muhammad Tahir. *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar Sahnun, 1984.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin 'Amr bin Kathir al-Qurasyyi al-Dimasyqiy. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1999.
- al-Jassas, Abu Bakr Ahmad Ibn 'Ali al-Raziyy. *Ahkam al-Quran*. Beirut: Lubnan, 1992.
- Kuckartz, Udo. *Qualitative Text Analysis: A Guide to Methods, Practice & Using Software*. London: Sage Publications Ltd, 2014.
- al-Qurtubiy, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Lubnan, 2006.
- Roslan, Hashim, Md Nor & Hasan al-Banna. *Keindahan Gaya Bahasa al-Quran: Satu Tinjauan Isti'arah Dalam Juzuk Kedua*, *Jurnal Ulum Islamiyyah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2012.
- al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa. *Tafsir al-Maraghiyy*. Mesr: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabiy, 1946.
- al-Sa'adiyy, Abdurrahman bin Nasir. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, Riyadh: Dar al-Salam, 2002
- al-Sabuniyy, Muhammad 'Ali. *Rawai'ul Bayan Tafsir Ayat Ahkam*. Damsyik: Maktabah al-Ghazali, 1980.
- al-Sya'rawiy, Muhammad Mutawalliyy. *Tafsir al-Sya'rawiy*. Dar Akhbar al-Yawm, Qita' al-Thaqafah, 1991.

- Tantawiy, Muhammad Sayyid. Tafsir al-Wasit. al-Qahirah: Dar Nahdah Mesr, 1987.
- Uthaymin, Muhammad bin Saleh. Tafsir al-Quran al-Karim. Riyadh: Dar Ibn Jauziy, 2008.
- Wahbah al-Zuhayliy. Tafsir al-Munir fi al-Shari'ah wa al-Aqidah wa al-Akhlak. Universiti al-Bayt: Urdun, 1991.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution. Pendekatan dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2006.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.